



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : MPK/JK 600-13/1/164 (2022) PEMBEKALAN BATERI UNTUK KENDERAAN & JENTERA MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI TAHUN 2023
2	No. Tender : MPK/JK 600-13/1/165 (2022) PEMBEKALAN TAYAR DAN TIUB UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN & JENTERA MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI TAHUN 2023

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED MOF KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN 110301 / 110302 / 110399 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</p>	<p>MULAI : 2/12/2022 (JUMAAT) Penjualan secara Online</p> <p>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web https://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</p>	<p>TARIKH TUTUP : 9/12/2022 (JUMAAT) JAM : 12.00 TENGAH HARI</p> <p>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>

SYARAT-SYARAT :-

- Setiap dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM 150.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara FPX, kredit kad dan debit kad.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **2 Disember 2022** di laman web <https://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
- Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.
- Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di maklumat sebutharga.
- Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **8 Disember 2022**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.
- Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi kerja dan lokasi tapak boleh menghubungi En. Ahmad Redza b. Mohd Noh ditalian **03-3375 5555 (Jabatan Kejuruteraan)**.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG